



PERBADANAN ASET KERETAPI
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

KENYATAAN TENDER

TARIKH: 30 MAC 2026

Tawaran tender ini dipelawa kepada syarikat/ kontraktor yang mempunyai Sijil Akaan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan (MOF) di bawah kod bidang berkaitan dan masih sah semasa membuat tawaran tender perkhidmatan seperti berikut:

BUTIRAN TAWARAN	SYARAT KELAYAKAN	HARGA DOKUMEN	TARIKH DOKUMEN TENDER BOLEH DIBELI DAN DIMUAT TURUN	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TENDER DITUTUP
NO. TENDER: RAC.BP-A/04/26 PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI STESEN KERETA API LABIS, STESEN KERETA API BEKOK, STESEN KERETA API PALOH, STESEN KERETA API KLUANG, STESEN KERETA API RENGAM, STESEN KERETA API LAYANG-LAYANG, STESEN KERETA API KULAI DAN STESEN KERETA API KEMPAS BARU, JOHOR BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN UNTUK PERBADANAN ASET KERETAPI (RAC)	STATUS: BUMIPUTERA KOD BIDANG MOF: 220801: Perkhidmatan Kawalan Keselamatan	Harga Dokumen: RM50.00 (Tidak akan dikembalikan) Pembelian dalam talian melalui sistem Tender Wizard RAC	7 April 2026 (Selasa) Sehingga 17 April 2026 (Jumaat) Memuat turun dokumen di dalam sistem Tender Wizard RAC	Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah WAJIB dihantar secara: 1. Dimuat naik melalui Sistem Tender Wizard RAC ; dan 2. Dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri/ berlakri yang ditulis Tajuk dan No.Tender di penjurong kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat: KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PERBADANAN ASET KERETAPI 27-1, Sentral RAC, No.16 Jalan Tun Sambanthan, Brickfields, 50470, Kuala Lumpur Sebelum atau pada tarikh 30 April 2026 (Khamis) tidak lewat dari pukul 12.00 tengah hari

Petender adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri **Taklimat Tender** dan **Lawatan Tapak** seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 6 April 2026 (Isnin) Masa : 2:00 Petang Tempat : Pejabat Urusan Wilayah Selatan RAC, PS 70, Seksyen 1, Jalan Bandar Satelit Sebang 3, Bandar Satelit Sebang, 78000 Alor Gajah Melaka	<ol style="list-style-type: none">Hanya petender yang telah memenuhi syarat pendaftaran yang ditetapkan adalah layak untuk menyertai taklimat dan lawatan tapak;Bagi sesi taklimat dan lawatan tapak, hanya penama yang tercatat dalam sijil MOF yang dibenarkan menghadiri sesi taklimat. Petender tidak boleh menghantar wakil selain penama dalam sijil MOF; danSila bawa bersama Sijil MOF (ASAL), Sijil Taraf Bumiputera dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) beserta satu SALINAN sijil tersebut dan cop syarikat.Sijil akaan pendaftaran syarikat dengan MOF hendaklah masih berkuat kuasa sekurang- kurangnya melebihi tiga (3) bulan dari tarikh tutup tender.
---	---

- Hanya petender yang telah menghadiri taklimat tender dan lawatan tapak serta berdaftar sebagai Pembekal RAC melalui sistem Tender Wizard RAC sahaja yang layak dan boleh memuat turun Dokumen Tender. Pendaftaran sebagai Pembekal RAC boleh dibuat di pautan <https://tenderwizard.my/RAC>. Fi pendaftaran sebagai pembekal adalah RM150.00 untuk 12 bulan.
- Sila ambil perhatian bahawa **Fi Perkhidmatan** berjumlah 0.8% akan dikenakan kepada petender yang berjaya berdasarkan kepada harga tawaran, tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM9,600.00 (tidak termasuk cukai perkhidmatan). Justeru itu, cukai perkhidmatan sebanyak 8% akan dicaj ke atas nilai fi perkhidmatan tersebut. Sebarang pertanyaan berkaitan tender ini hendaklah dihantar melalui e-mel kepada inquiry.perolehan@rac.gov.my.